

02 MAY 1999

WAN AZIZAH SEDAR RAKYAT MEMARAHINYA, KATA ABDULLAH

TAPAH, 2 Mei (Bernama) -- Presiden Parti KeADILan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail sepatutnya menafikan awal-awal lagi laporan beliau menyamakan Perdana Menteri dengan bekas presiden Filipina Ferdinand Marcos dan bukannya selepas melihat rakyat marah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri hari ini berkata Azizah hanya membuat penafian terhadap laporan itu setelah beliau menyedari ia merupakan kesilapan besar dan tidak disenangi oleh rakyat Malaysia.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Tapah di sini ketika diminta mengulas penafian Wan Azizah di Kota Baharu semalam yang dia pernah menyamakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Marcos.

"Marcos dan Dr Mahathir dua orang yang berbeza. Dia (Dr Mahathir) berbuat banyak jasa kepada negara ini," Azizah dipetik sebagai berkata apabila ditemui wartawan pada satu majlis di rumah penyokong partinya di Kadok.

"Dia bebas bercakap... dia bebas kata tak cakap, tapi kita dah dengar apa yang dia cakap, itu yang penting.

"Kita dengar laporan warta setempat bertalu-talu datang. Sepatutnya bila laporan itu keluar dia awal-awal lagi kata dia tak cakap. Janganlah bila rakyat Malaysia dah mula marah baru dia kata dia tidak cakap," kata Abdullah.

Beliau berkata bagaimanapun biarlah rakyat membuat kesimpulan.

-- BERNAMA

MA RON